



## **KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

### **KENYATAAN AKHBAR YB. MENTERI KERJA RAYA**

#### **PROJEK MENGGANTIKAN JAMBATAN BUKIT KUANG DI JALAN PERSEKUTUAN 3, KEMAMAN TERENGGANU**

---

Projek Menggantikan Jambatan Bukit Kuang di Jalan Persekutuan 3, Kemaman, Terengganu merupakan salah satu projek di bawah Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang telah diluluskan Kerajaan dalam RMKe-9. Projek sepanjang 3.07 km ini telah diserahkan kepada Kementerian Kerja Raya untuk dilaksanakan dengan anggaran kos berjumlah RM225.7 juta. Projek ini telah dibuka secara berfasa kepada laluan trafik bermula 31 Julai 2013 bagi laluan di sebelah barat dan 13 November 2013 bagi laluan di sebelah timur.

Dengan adanya pembukaan Jambatan Bukit Kuang ini, tempoh masa perjalanan asal selama 45 minit telah dapat dikurangkan kepada 5 minit sahaja. Masalah kesesakan lalulintas di sekitar kawasan industry Telok Kalung juga dapat diatasi dengan pembukaan jambatan baru ini.

Semoga dengan pembukaan jambatan Bukit Kuang ini, ia dapat member keselesaan kepada orang awam di kawasan Kemaman khususnya kepada pengguna jalanraya bagi laluan Chukai-Kuala Terengganu. Kementerian juga berharap agar ia dapat membantu merencanakan lagi aktiviti ekonomi penduduk setempat.

Sekian, terimakasih.

**YB. DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**26 JANUARI 2014**

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

**PROJEK** : Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Menggantikan Jambatan Bukit Kuang Di Jalan Persekutuan 3, Kemaman Terengganu.

**TARIKH MULA** : 7 Julai 2010

**TARIKH SIAP ASAL** : 6 Julai 2013

**TARIKH SIAP SEMASA** : 27 November 2013

**TARIKH SIAP SEMASA (SKOP TAMBAHAN)** : 22 Ogos 2014

**KOS KONTRAK ASAL** : RM 190,724,886.23

**KOS KONTRAK SEMASA (TERMASUK SKOP TAMBAHAN)** : RM 225,725,998.20

**KONTRAKTOR** : Cergas Murni Sdn Bhd

**SKOP ASAL** : Menggantikan Jambatan sedis ada 2 lorong 2 hala dengan 2 buah jambatan baru sepanjang 970 meter yang dibina berasaskan 4 lorong 2 hala (*4-lane dual carriageway*) mengikut piawaian JKR U5.

Menaiktaraf jalan sedia ada sepanjang 3.07Km kepada 4 lorong 2 hala (*4-lane dual carriageway*) berasaskan piawaian JKR U5.

**SKOP TAMBAHAN:** Pembinaan *Directional Ramp* ke Jalan Teluk Kalong

### **KEMAJUAN KERJA**

Sehingga 25 Januari 2014, status kemajuan fizikal untuk projek ini ialah seperti berikut:-

- Skop asal – **100%**.
- Skop tambahan – **35%**
- **Keseluruhan projek – 84.8% sebenar / 81.4% jadual**